

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HGM 340 - Geografi Pertanian

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI
DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Bincangkan bagaimana sektor pertanian lebih penting daripada sektor industri kepada pembangunan ekonomi dalam konteks negara kita.

(25 markah)

2. Pelbagai faktor mempengaruhi petani-petani di dalam membuat pemilihan teknologi untuk tanaman atau ternakan. Bincangkan.

(25 markah)

3. Merujuk kepada senario di Malaysia, bincangkan apakah perkara-perkara yang boleh dilakukan supaya sektor pertanian ini terus berkembang dan maju.

(25 markah)

4. Kekangan sumber akan semakin meningkat dan ini akan membawa kepada perlunya pembentukan sistem pertanian yang lebih efisien dan mampan pada masa hadapan. Bagaimanakah kekangan sumber tanah untuk pertanian dapat diatasi? Bincangkan.

(25 markah)

5. Jelaskan perkara-perkara berikut:-
- a. Tumbuhan C3 dan C4 (8 markah)
 - b. Konsep Unit Haba (5 markah)
 - c. Tumbuhan Siang-Pendek dan Tumbuhan Siang-Panjang. (5 markah)
 - d. Fungsi air dalam tumbuh-tumbuhan. (7 markah)
6. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu dari negara maju atau negara membangun, bincangkan ciri-ciri sektor pertanian, ekonomi luar bandar, dan masalah-masalah dalam sektor pertanian. (25 markah)
7. Jadual 1. Konstran tenaga kerja dan pendapatan bersih untuk pengeluaran tanaman seorang petani yang keluasan tanahnya ialah 100 hektar.

	Keperluan tenaga kerja (jam-kerja/hek)		Pendapatan bersih
	Musim 1	Musim 2	(\$/hek)
Buah-buahan Jangka pendek	10	100	1200
Sayuran	20	70	1200
Jumlah jam-kerja yang petani ada	500	2000	

- a . Lukiskan graf yang satu paksi menunjukkan keluasan tanaman buah-buahan jangka pendek dan satu lagi keluasan tanaman sayuran. Plot dan labelkan semua konstrain yang ada.

(12 markah)

- b. Tentukan zon kemungkinan pengeluaran.

(5 markah)

- c. Jika anda ingin mendapat keuntungan sebanyak RM 72,000, lukiskan garisan keuntungan (isoprofit) tersebut. Cari berapakah keuntungan yang boleh diperolehi daripada nilai yang terbesar keluasan zon kemungkinan pengeluaran.

(8 markah)